



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



TATACARA PERMOHONAN DOKUMEN RINGKASAN SILIBUS BAGI TUJUAN PINDAHAN/PENGECUALIAN KREDIT

Pemohon (lulusan politeknik) perlu mengemukakan maklumat-maklumat seperti berikut :

1. **Surat rasmi** permohonan dokumen kurikulum bagi tujuan pindahan kredit (sila sertakan nama penuh, nombor pendaftaran, alamat terikini, nombor telefon dan emel),
2. **Salinan Transkrip Akademik** diploma/sijil daripada Politeknik (setiap semester) yang telah disahkan,
3. **Dokumen/Borang Pindahan Kredit** dari IPTA/IPTS yang mempunyai kod dan nama kursus dipohon untuk tujuan proses pengeluaran dokumen kurikulum yang layak sahaja,
4. **Surat tawaran** kemasukan ke IPTA/IPTS atau mana-mana institusi yang berkaitan, dan
5. **Borang Maklumat Kursus** – Kod dan nama kursus yang diperlukan untuk tujuan pengecualian/pindahan kredit (diambil di peringkat diploma) (rujuk LAMPIRAN - 01)

Pemohon boleh menghantar permohonan yang lengkap berdasarkan maklumat yang disenaraikan di atas sama ada secara bertulis atau emelkan ke ujka@polipd.edu.my dan noormala@polipd.edu.my (Pegawai untuk dihubungi : Puan Noormala Ramli, Unit Jaminan Kualiti dan Akreditasi, Politeknik Port Dickson di talian 06-662 1154 / 06 662 2072).

Bagi permohonan secara bertulis hendaklah dimasukkan maklumat-maklumat tersebut ke dalam sampul surat dengan menulis "PERMOHONAN DOKUMEN PINDAHAN KREDIT" di penjurus sebelah kiri sampul surat dan dihantar ke alamat:

Pengarah
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai
71050 Si Rusa, Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus
(U/P: Unit Jaminan Kualiti dan Akreditasi)

Semua permohonan yang lengkap diterima akan diproses dalam tempoh 5 hari bekerja. Sebarang maklumbalas akan dihantar melalui alamat emel yang disertakan didalam surat rasmi permohonan (Sila pastikan alamat emel yang diberikan adalah betul dan aktif).

Sekian.



CARTA ALIR PERMOHONAN DOKUMEN RINGKASAN SILIBUS BAGI TUJUAN PINDAHAN/PENGECUALIAN KREDIT



